

**PENGAKTIFAN LENCONGAN SEMENTARA & LALUAN TERHAD SEMENTARA
BAGI KERJA LETUPAN BATU UNTUK
PROJEK PELEBARAN LEBUH RAYA UTARA–SELATAN DI JOHOR**

Petaling Jaya, 5 Mac 2026:- Projek Pembinaan Lorong Tambahan Lebuhraya Utara–Selatan dari Yong Peng (Utara) ke Senai (Utara) kini sedang giat dijalankan bagi meningkatkan kapasiti, kelancaran trafik dan keselesaan pengguna dalam jangka masa panjang.

Sebahagian daripada kerja pelebaran ini akan turut melibatkan beberapa aktiviti letupan batu di laluan terbabit. Sehubungan dengan itu, PLUS Malaysia Berhad (PLUS) ingin memaklumkan bahawa pergerakan trafik di laluan tersebut akan terganggu secara berperingkat seperti berikut:-

Arah Utara	Arah Selatan
KM23.9 hingga KM26.1	KM24.7 hingga KM26.1

Lencongan ini, yang akan bermula jam 10.00 malam pada 10 Mac 2026 sehingga 5.00 pagi keesokan harinya, adalah bagi memberi laluan kepada kerja-kerja persediaan letupan batu dan pembersihan kawasan.

Selain itu, sekitar jam 1.00 pagi, laluan di antara Persimpangan Kulai dan Senai (Utara) akan ditutup sementara selama beberapa minit kepada semua jenis kenderaan bagi memastikan tahap keselamatan yang optimum semasa aktiviti letupan dijalankan. Laluan tersebut akan dibuka semula secepat mungkin setelah kerja letupan, pembersihan dan pemeriksaan keselamatan selesai dilaksanakan.

Justeru, pengguna lebuhraya dinasihatkan supaya:-

- Merancang perjalanan lebih awal
- Mendapatkan maklumat trafik terkini melalui aplikasi PLUS
- Mematuhi papan tanda serta arahan petugas di kawasan kerja

Untuk maklumat trafik semasa dan bantuan, pengguna boleh merujuk kepada Pembantu Maya PUTRI, aplikasi X @plustrafik, paparan Mesej Elektronik (VMS) di lokasi terpilih atau menghubungi PLUSLine di 1-800-88-0000 sekiranya berlaku kecemasan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini.

-TAMAT-

PERTANYAAN MEDIA:

Iskandar Dzulkifli

Ketua

Komunikasi

Expressway Project & Advisory Services Sdn Bhd (EPro)

Tel : 019-271 0280

Emel : iskandar@plus.com.my

LENCONGAN SEMENTARA & PENUTUPAN LALUAN BAGI
KERJA LETUPAN BATU
BAGI PROJEK PELEBARAN LEBUHRAYA UTARA-SELATAN DI JOHOR



LALUAN KULAI-SENAI UTARA

Arah Utara

KM23.9 hingga KM26.1

Arah Selatan

KM24.7 hingga KM26.1



**LENCONGAN
SEMENTARA**

Masa : 10:00malam – 5:00 Pagi

Tujuan:

**Persediaan kerja-kerja letupan
& kerja-kerja pembersihan
selepas letupan.**



**LALUAN
TERHAD
SEMENTARA**

Masa : 1:00 pagi-1:30pagi

Tujuan:

**Memastikan tahap keselamatan
yang optimum semasa aktiviti
letupan dijalankan.**

*(Laluan akan dibuka semula secepat
mungkin setelah kerja letupan, pembersihan
dan pemeriksaan keselamatan selesai
dilaksanakan)*

NASIHAT KEPADA PENGGUNA



**Rancang
Perjalanan**



**Semak Info
Trafik**



**Ikut Arahan
Petugas dan
Papan Tanda**

Ikuti kami di media sosial

